



**PANDUAN CUKAI PERKHIDMATAN**

# **PERKHIDMATAN PENGURUSAN**

**Diterbitkan oleh :**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri  
Putrajaya**

**18 Julai 2025**

## **Penerbitan**

Tarikh : 18 Julai 2025

Panduan Pengurusan pada 4 Ogos 2021 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Pengurusan yang dikemaskini pada 18 Julai 2025.

## **Notis Hak Cipta**

Hak Cipta 2025 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

## **Penafian**

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## KANDUNGAN

<b>Pengenalan .....</b>	<b>1</b>
<b>Pengenaan dan Skop Cukai .....</b>	<b>1</b>
<b>Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan .....</b>	<b>2</b>
<b>Perkhidmatan Bercukai .....</b>	<b>3</b>
<b>Perkhidmatan Pengurusan Tidak Bercukai .....</b>	<b>7</b>
<b>Pelepasan Kumpulan (<i>GROUP RELIEF</i>).....</b>	<b>8</b>
<b>Pengecualian Daripada Pembayaran Cukai Perkhidmatan [Pengecualian Perniagaan Kepada Perniagaan (<i>B2B EXEMPTION</i>)].....</b>	<b>13</b>
<b>Tanggungjawab Orang Berdaftar di Bawah Pengecualian Perniagaan Kepada Perniagaan (<i>B2B EXEMPTION</i>).....</b>	<b>14</b>
<b>Penentuan Nilai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan.....</b>	<b>15</b>
<b>Cukai Perkhidmatan Genap Masa.....</b>	<b>15</b>
<b>Pendaftaran dan Tanggungjawab Orang Berdaftar .....</b>	<b>15</b>
<b>Soalan Lazim .....</b>	<b>17</b>
<b>Pertanyaan .....</b>	<b>19</b>
<b>Bantuan dan Maklumat Lanjut Mengenai SST .....</b>	<b>19</b>

## **PENGENALAN**

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) dan perundangan subsidiarinya berkuat kuasa pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
  - i) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
  - ii) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2018. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Panduan ini disediakan untuk membantu pihak industri memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan.

## **PENGENAAN DAN SKOP CUKAI**

6. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pengurusan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Butiran 9, ruang (1), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PPCP 2018) berkuat kuasa 1 September 2018.
7. Pindaan juga telah dibuat bagi memperjelaskan lagi aktiviti-aktiviti dalam kategori perkhidmatan pengurusan dan pindaan tersebut berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019. Pindaan ini tidak memberi apa-apa kesan kepada liabiliti penyedia perkhidmatan untuk

mematuhi semua peruntukan perundangan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang berkuatkuasa mulai 1 September 2018.

8. Perkhidmatan pengurusan meliputi pengaturan dan penyelarasan apa-apa aktiviti dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dan perkhidmatan ini tidak dikategorikan di bawah sebarang perkhidmatan bercukai spesifik (iaitu perkhidmatan yang ditetapkan). Aktiviti-aktiviti ini boleh terdiri daripada penganjuran, penyeliaan, pemantauan, perancangan, pengawalan atau pengarahannya pelbagai sumber seperti sumber manusia, kewangan, teknologi, fizikal dan lain-lain.

9. Perjanjian kontrak bertulis menyatakan penyediaan perkhidmatan pengurusan antara seseorang dan kliennya akan menjadi petunjuk untuk menentukan sama ada perkhidmatan yang disediakan oleh orang tersebut boleh diklasifikasikan sebagai perkhidmatan pengurusan atau tidak. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes di mana tidak terdapat persetujuan berkontrak, penyediaan perkhidmatan ini juga boleh dianggap sebagai perkhidmatan pengurusan jika perkhidmatan tersebut termasuk di bawah skop pengurusan seperti dinyatakan di perenggan 8.

## **PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN**

10. Selaras dengan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk penyediaan perkhidmatan baris kredit atau pembiayaan patuh syariah melalui pengaktifan kad kredit atau kad caj kekal dikenakan pada RM25/tahun.

11. Oleh itu, penyediaan perkhidmatan pengurusan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar lapan peratus (8%) berkuat kuasa 1 Mac 2024.

12. Penerangan lanjut berhubung dengan layanan peralihan perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan**.

## PERKHIDMATAN BERCUKAI

13. Perkhidmatan pengurusan di bawah butiran (i), ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, PPCP 2018 dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah:-

(a) Perkhidmatan pengurusan projek, sepenuhnya atau sebahagian daripada projek;

Mana-mana orang yang menjalankan pengurusan sesuatu projek sepenuhnya atau sebahagiannya dan mungkin melibatkan pihak ketiga dalam melaksanakan projek tersebut.

### Contoh 1

*ABC Sdn Bhd mendapat kontrak pembinaan kompleks membeli belah dari Kaya Berhad. Bagi memastikan projek berjalan seperti yang dirancang, Kaya Berhad melantik Khan Sdn Bhd untuk memantau projek berkenaan. Khan Sdn Bhd akan mengenakan caj pengurusan projek kepada Kaya Berhad yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan.*

(b) Perkhidmatan pengurusan pelancongan;

Perkhidmatan pengurusan pelancongan tidak lagi tertakluk kepada cukai perkhidmatan berkuat kuasa 1 September 2019.

(c) Perkhidmatan pengurusan logistik;

Perkhidmatan pengurusan logistik menjadi perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan J, Jadual Pertama, PPCP 2018 berkuat kuasa 26 Februari 2024. Sila rujuk Panduan Logistik untuk penerangan lanjut.

(d) Perkhidmatan pengurusan penyenggaraan;

Perkhidmatan pengurusan penyenggaraan telah dipindahkan ke butiran (n), ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, PPCP 2018 berkuat kuasa 26 Februari

2024. Sila rujuk Panduan Penyenggaraan atau Pembaikan untuk penerangan lanjut.

(e) Perkhidmatan pengurusan penggudangan;

Perkhidmatan pengurusan penggudangan telah berpindah ke perkhidmatan logistik di bawah Kumpulan J, Jadual Pertama, PPCP 2018 berkuat kuasa 26 Februari 2024. Untuk penerangan lanjut, sila rujuk Panduan Logistik.

(f) Perkhidmatan pengurusan kutipan hutang;

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengurusan kutipan hutang dan penerimaan (*receivables*) bagi pihak pemiutang. Syarikat biasanya akan diberi komisen apabila penghutang membayar hutang atas usaha syarikat dalam mendapatkan hutang tersebut.

**Contoh 2**

*Zero Debt Sdn Bhd (ZDSB) menyediakan perkhidmatan pengurusan kutipan hutang bagi memastikan peminjam bank membayar hutang mereka. Semua hutang yang dikutip akan dibuat oleh ZDSB dan seterusnya ZDSB akan membuat bayaran kepada pihak bank. Bank akan membayar 10% komisen kepada ZDSB atas setiap pembayaran semula hutang yang dijelaskan. Perkhidmatan yang disediakan oleh ZDSB kepada bank adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.*

(g) Perkhidmatan pengurusan tempat letak kereta;

Syarikat yang menguruskan tempat letak kereta milik entiti lain dan mendapat fi, komisen dari hasil yang diperolehi atau mendapat komisen tetap secara bulanan dari pemilik tempat letak kereta.

### **Contoh 3**

*KLDD merupakan kompleks membeli belah yang besar di Kuala Lumpur. Oleh kerana pelanggan yang ramai dan tempat letak kereta yang besar di kompleks tersebut, KLDD telah melantik Parking United Sdn Bhd untuk menguruskan tempat letak kereta tersebut. Sebagai balasan, Parking United akan menerima 20% dari pendapatan yang diperolehi. Perkhidmatan yang disediakan oleh Parking United kepada KLDD adalah perkhidmatan pengurusan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.*

### **Contoh 4**

*Pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai lot tempat letak kereta dan melantik Laling Sdn Bhd untuk menguruskan tempat letak kereta tersebut. Resit yang dikeluarkan adalah atas nama PBT. Sebagai balasan, Laling akan menerima 20% dari pendapatan yang diperolehi. Perkhidmatan yang disediakan oleh Laling kepada PBT adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan.*

(h) Perkhidmatan pengurusan kemudahan sukan;

Pihak yang dilantik untuk menguruskan kemudahan sukan seperti kompleks sukan, stadium, gelanggang pertandingan, peralatan sukan atau lain-lain milik pelanggannya.

### **Contoh 5**

*Sport Centre Sdn Bhd telah dilantik untuk menguruskan stadium milik Kerajaan. Sport Centre akan mengenakan caj perkhidmatan kepada Kerajaan ke atas pengurusan stadium tersebut. Perkhidmatan yang disediakan oleh Sport Centre kepada Kerajaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan.*

(i) Perkhidmatan pengurusan kesetiausahaan

Perkhidmatan pengurusan kesetiausahaan meliputi aktiviti menguruskan penubuhan syarikat, pendaftaran perniagaan, penubuhan dan pembentukan syarikat sendirian berhad, kemaskini maklumat pengarah, serah simpan penyata kewangan atau lain-lain perkhidmatan kesetiausahaan.

**Contoh 6**

*Secretarial Co Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan pengurusan termasuk perakaunan, kesetiausahaan dan lain-lain kepada pelanggan. Perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh Secretarial Co Sdn Bhd adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.*

(j) apa-apa perkhidmatan pengurusan selain yang dinyatakan dalam (a) hingga

(i) yang dibuat bagi pihak orang lain,

**Contoh 7**

*Power Sdn Bhd melantik Training Management untuk menguruskan program latihan kepada kakitangannya. Training Management akan mengenakan caj pengurusan latihan kepada Power Sdn Bhd. Caj pengurusan latihan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan.*

**Contoh 8**

*Event Manager Sdn Bhd telah dilantik oleh syarikat A untuk menguruskan satu majlis di sebuah hotel. Event Manager Sdn Bhd menguruskan beberapa perkhidmatan dari beberapa pihak termasuk hotel untuk sewaan dewan dan penyediaan makan minum, Entertainment Co untuk hiburan, Sound Effect Co untuk memastikan semua alat pendengaran dalam keadaan baik, dan artis yang akan membuat persembahan. Dalam keadaan ini Event Manager Sdn Bhd telah menjalankan perkhidmatan pengurusan dan tertakluk kepada cukai*

*perkhidmatan.*

### **Contoh 9**

*Z Sdn Bhd merupakan syarikat pengurusan artis dan mengenakan caj pengurusan sebanyak 40% ke atas pendapatan yang diterima oleh artis tersebut. Caj pengurusan yang dikenakan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana Z Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan pengurusan.*

## **PERKHIDMATAN PENGURUSAN TIDAK BERCUKAI**

14. Perkhidmatan pengurusan berikut adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan :

- (a) Perkhidmatan pengurusan berkaitan tanah atau bangunan bagi kegunaan kediaman yang disediakan oleh mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau persatuan kediaman.
- (b) Perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun bagi maksud, perkhidmatan keagamaan, kebajikan, perkabungan, perkuburan, tanah perkuburan, pembakaran mayat, pembentungan, pembekalan air, kesihatan, pengangkutan awam, atau pelancongan;
- (c) Perkhidmatan pengurusan berkaitan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau perkara lain di luar Malaysia.

15. Perkhidmatan pengurusan kewangan disediakan oleh mana-mana orang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan telah dipindahkan dari butiran (i), ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, PPCP 2018 ke sub butiran 3 (a), Kumpulan H, Jadual Pertama, PPCP 2018 berkuat kuasa 1 Julai 2025. Untuk penerangan lanjut, sila rujuk Panduan Perkhidmatan Kewangan.

## PELEPASAN KUMPULAN (*GROUP RELIEF*)

16. Perkhidmatan pengurusan di bawah butiran (i), ruang (2), Kumpulan G yang diberikan oleh suatu syarikat dalam suatu kumpulan syarikat kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat tidaklah menjadi perkhidmatan bercukai sekiranya mematuhi syarat-syarat ditetapkan di bawah perenggan 3 hingga 9, Jadual Pertama, PPCP 2018. Layanan cukai perkhidmatan ini dirujuk sebagai pelepasan kumpulan.

17. Penentuan sebagai syarikat dalam kumpulan syarikat adalah berdasarkan perenggan 4 hingga 7, Jadual Pertama, PPCP 2018 seperti berikut:

Perenggan	Keterangan perenggan
4	Bagi maksud perenggan 3, dua atau lebih syarikat layak disifatkan sebagai syarikat dalam suatu kumpulan syarikat jika satu syarikat mengawal setiap daripada syarikat-syarikat yang lain.
5	Bagi maksud perenggan 4, suatu syarikat hendaklah dianggap sebagai mengawal suatu syarikat yang lain jika—  (a) syarikat pertama yang disebut memegang—  (i) secara langsung;  (ii) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau  (iii) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari,  lebih daripada lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut; atau  (b) syarikat pertama yang disebut memegang—  (i) secara langsung;  (ii) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau  (iii) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari,  daripada dua puluh peratus hingga lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut dan

Perenggan	Keterangan perenggan
	syarikat pertama yang disebut mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.
6	<p>Bagi maksud perenggan 5, saham hendaklah disifatkan sebagai tidak dipegang jika saham itu dipegang—</p> <p>(a) melalui penama;</p> <p>(b) dalam suatu sifat fidusiari; atau</p> <p>(c) menurut peruntukan memegang debentur, persuratan amanah untuk mendapatkan debentur atau aktiviti meminjam wang.</p>
7	Jika suatu syarikat dikawal menurut perenggan 5(a) dan (b) oleh dua atau lebih syarikat, syarikat itu (syarikat kedua yang disebut) hendaklah dianggap sebagai dikawal oleh syarikat pertama yang disebut yang mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.

18. Penyedia perkhidmatan pengurusan yang memenuhi maksud sebagai syarikat dalam kumpulan syarikat dan layak menggunakan pelepasan kumpulan adalah tidak dikehendaki untuk berdaftar sebagai orang berdaftar cukai perkhidmatan.

### Contoh 10

*Q Bhd menyediakan perkhidmatan pengurusan kesetiausahaan kepada syarikat dalam kumpulan syarikat (ahli kumpulan). Maklumat syarikat dan nilai perkhidmatan diberikan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:*

<b>Nama syarikat</b>	<b>Peratusan pegangan saham</b>	<b>Kuasa melantik/memecat Lembaga pengarah</b>	<b>Nilai perkhidmatan diberikan (RM)</b>
<i>A Sdn Bhd</i>	<i>100%</i>	<i>Ya</i>	<i>300,000.00</i>
<i>B Sdn Bhd</i>	<i>80%</i>	<i>Ya</i>	<i>250,000.00</i>
<i>Jumlah</i>			<i>550,000.00</i>

*Perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh Q Bhd kepada A Sdn Bhd dan B Sdn Bhd layak kepada pelepasan kumpulan dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.*

19. Sekiranya penyedia perkhidmatan pengurusan berhasrat untuk memberi perkhidmatan pengurusan kepada pelanggan di luar kumpulan (pihak ketiga) selain dari perkhidmatan kepada ahli kumpulan, penyedia perkhidmatan adalah bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACP 2018. Bagi penentuan nilai perkhidmatan, jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang sama kepada ahli kumpulan dan pihak ketiga hendaklah diguna pakai.

**Contoh 11**

*Z Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada ahli kumpulan dalam kumpulan syarikat yang sama. Mulai Jan 2021, Z Sdn Bhd berhasrat untuk memberi perkhidmatan kepada pihak ketiga. Berdasarkan kaedah kebelakang, nilai perkhidmatan pengurusan dari Januari 2021 hingga Mei 2021 adalah seperti di bawah:*

<b>Kategori pelanggan</b>	<b>Nilai Perkhidmatan diberikan (RM)</b>
<i>A Sdn Bhd (ahli kumpulan)</i>	<i>RM200,000.00</i>
<i>BY Sdn Bhd (ahli kumpulan)</i>	<i>RM200,000.00</i>
<i>Pelanggan C (pihak ketiga)</i>	<i>RM80,000.00</i>
<i>Pelanggan G (pihak ketiga)</i>	<i>RM50,000.00</i>
<i>Jumlah</i>	<i>RM530,000.00</i>

*Z Sdn Bhd bertanggungjawab untuk berdaftar cukai perkhidmatan pada bulan Mei 2021 kerana nilai perkhidmatan pengurusan diberikan telah melebihi RM500,000.00. Permohonan pendaftaran cukai perkhidmatan hendaklah dibuat tidak lewat daripada hari terakhir bulan Jun 2021.*

20. Bagi tempoh 1 September 2018 hingga 31 Disember 2019, jika perkhidmatan pengurusan diberikan kepada mana-mana orang di luar kumpulan syarikat, maka perkhidmatan pengurusan yang diberikan kepada mana-mana syarikat di luar kumpulan (pihak ketiga) atau di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah menjadi perkhidmatan

bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

21. Walaubagaimanapun, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020 kemudahan pelepasan kumpulan masih layak dinikmati walaupun perkhidmatan bercukai yang sama diberikan kepada pihak ketiga dengan syarat jumlah nilai perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga dalam tempoh dua belas (12) bulan tidak melebihi suatu jumlah bersamaan dengan nilai lima peratus (5%) daripada jumlah nilai keseluruhan perkhidmatan sama yang diberikan. Pengiraan nilai perkhidmatan 5% adalah berdasarkan kaedah ke hadapan (*future*) iaitu pada bulan itu dan sebelas bulan ke hadapan selepas bulan itu. Sekiranya nilai perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga melebihi nilai 5% dari keseluruhan perkhidmatan, maka penyedia perkhidmatan hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan kepada mana-mana ahli kumpulan yang sama.

### Contoh 12

*Merujuk kepada contoh 10 di atas, mulai 1 Januari 2022, Q Bhd meluaskan perkhidmatan pengurusannya kepada pelanggan di luar kumpulan syarikat. Nilai perkhidmatan kepada ahli kumpulan dan pelanggan di luar kumpulan bagi tahun kewangan 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:*

<b>Kategori pelanggan</b>	<b>Nilai Perkhidmatan diberikan (RM)</b>	<b>Peratus perkhidmatan bercukai</b>
Syarikat A (ahli kumpulan)	RM300,000.00	750K/780K: 96.15%
Syarikat B (ahli kumpulan)	RM450,000.00	
Pelanggan C (pihak ketiga)	RM10,000.00	30K/780K: 3.85%
Pelanggan G (pihak ketiga)	RM20,000.00	
<b>Jumlah</b>	<b>RM780,000.00</b>	<b>100%</b>

*Q Bhd berdaftar cukai perkhidmatan dan telah mengenakan cukai perkhidmatan kepada pihak ketiga. Bagi perkhidmatan kepada ahli kumpulan iaitu Syarikat A dan Syarikat B, tiada cukai perkhidmatan dikenakan oleh Q Bhd kerana berdasarkan anggaran perkhidmatan bercukai bagi tahun 2022, jumlah nilai perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga sehingga Disember 2022 tidak akan melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan perkhidmatan bercukai.*

Berdasarkan jumlah nilai perkhidmatan bercukai sebenar sehingga 31 Disember 2022, jumlah nilai perkhidmatan bercukai diberikan kepada pihak ketiga adalah 3.85% dan tidak melebihi nilai 5% yang ditetapkan bagi kelayakan pelepasan kumpulan. Justeru, Q Bhd layak menggunakan pelepasan kumpulan bagi perkhidmatan diberikan kepada ahli kumpulan.

### Contoh 13

Bagi tahun kewangan 2023, nilai perkhidmatan pengurusan diberikan oleh Q Bhd kepada ahli kumpulan dan pihak ketiga adalah seperti berikut:

<b>Kategori pelanggan</b>	<b>Nilai Perkhidmatan diberikan (RM)</b>	<b>Peratus perkhidmatan bercukai</b>
Syarikat A (ahli kumpulan)	RM400,000.00	850K/1.1juta: 77.30%
Syarikat B (ahli kumpulan)	RM450,000.00	
Pelanggan (pihak ketiga)	RM250,000.00	250K/1.1 juta: <b>22.7%</b>
<b>Jumlah</b>	<b>RM1,100,000.00</b>	<b>100%</b>

Bagi perkhidmatan kepada ahli kumpulan iaitu Syarikat A dan Syarikat B, tiada cukai perkhidmatan dikenakan oleh Q Bhd kerana berdasarkan anggaran perkhidmatan bercukai bagi tahun 2023, jumlah nilai perkhidmatan bercukai kepada pelanggan di luar kumpulan sehingga Disember 2023 tidak akan melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan perkhidmatan bercukai.

Berdasarkan jumlah nilai perkhidmatan bercukai sebenar sehingga 31 Disember 2023, jumlah nilai perkhidmatan bercukai diberikan kepada pihak ketiga adalah 22.7% dan melebihi nilai 5% yang ditetapkan bagi kelayakan pelepasan kumpulan. Justeru, Q Bhd hendaklah membuat pelarasan dengan mengakaunkan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan yang diberikan kepada ahli kumpulannya.


22. Orang berdaftar yang memberikan perkhidmatan bercukai kepada ahli kumpulan dan pihak ketiga hendaklah terus kekal berdaftar walaupun nilai perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga kurang dari lima peratus (5%) dari jumlah nilai perkhidmatan.

23. Untuk penerangan lanjut mengenai pelepasan kumpulan, sila rujuk Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 8/2020.

**PENGECUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN  
[PENGECUALIAN PERNIAGAAN KEPADA PERNIAGAAN (B2B EXEMPTION)]**

24. Berkuat kuasa 1 Januari 2019, penerima perkhidmatan di bawah Kumpulan G [tidak termasuk Butiran 10 (orang yang memberikan perkhidmatan pekerjaan) dan butiran 11 (orang yang merupakan suatu agensi persendirian yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971)], diberikan pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan tertakluk kepada syarat-syarat berikut seperti yang dinyatakan di bawah Butiran 1, Jadual, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018:-
- i) Perkhidmatan yang dikecualikan adalah perkhidmatan di bawah Kumpulan G [kecuali di bawah butiran j (perkhidmatan pekerjaan) dan k (perkhidmatan mengawal atau perlindungan bagi keselamatan atau sekuriti)];
  - ii) Penyedia dan penerima perkhidmatan di bawah pengecualian ini adalah orang berdaftar;
  - iii) Perkhidmatan bercukai yang dikecualikan adalah perkhidmatan yang sama yang diberikan oleh orang yang dikecualikan daripada membayar cukai.
  - iv) Perkhidmatan bercukai yang dikecualikan bukan untuk kegunaan sendiri oleh orang yang dikecualikan daripada membayar cukai.

## Contoh 12



*H Sdn Bhd menerima kontrak mengurus pusat data di Cyberjaya dari K Berhad. Memandangkan kekangan pekerja, H Sdn Bhd melantik R Sdn Bhd untuk mengurus pusat data tersebut bagi pihaknya. H Sdn Bhd dan R Sdn Bhd merupakan orang berdaftar cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan. R Sdn Bhd akan mengeluarkan invoice kepada H Sdn Bhd setiap bulan dan H Sdn Bhd kemudiannya akan mengenakan caj pengurusan kepada K Berhad.*

*Memandangkan perkhidmatan yang diberikan oleh R Sdn Bhd kepada H Sdn Bhd memenuhi syarat-syarat di bawah Butiran 1, Jadual, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018, maka H Sdn Bhd dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan kepada R Sdn Bhd dan R Sdn Bhd tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada H Sdn Bhd. Bagi invoice yang dikeluarkan oleh H Sdn Bhd kepada K Berhad, perkhidmatan pengurusan yang diberikan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.*

### **TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR DI BAWAH PENGECCUALIAN PERNIAGAAN KEPADA PERNIAGAAN (B2B EXEMPTION)**

25. Mana-mana orang berdaftar di bawah kategori pengecualian perniagaan kepada perniagaan yang telah memberikan perkhidmatan bercukai kepada mana-mana orang yang layak dikecualikan adalah dikehendaki untuk melakukan tindakan berikut:

21.1 Mengeluarkan invoice dengan butiran tambahan seperti berikut:

- i. Nama dan alamat pelanggan;

- ii. Nombor pendaftaran cukai perkhidmatan pelanggan;
- iii. Nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan

21.2 Pengikraran nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan:

21.2.1 Mengikrarkan nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan tersebut di ruang 18 (c) di dalam borang SST-02.

## **PENENTUAN NILAI YANG DIKENAKAN CUKAI PERKHIDMATAN**

26. Nilai yang perlu dikenakan cukai ke atas perkhidmatan pengurusan adalah nilai sebenar perkhidmatan yang disediakan berdasarkan Seksyen 9, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

## **CUKAI PERKHIDMATAN GENAP MASA**

27. Cukai perkhidmatan hendaklah diakaunkan oleh orang berdaftar kepada JKDM :
- (a) Pada masa pembayaran diterima; atau
  - (b) Pada hari berikutnya selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh perkhidmatan pengurusan diberikan sekiranya tiada bayaran diterima.
28. Orang berdaftar boleh memohon secara bertulis daripada Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah untuk menukar asas cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa invoice dikeluarkan.

## **PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR**

29. Penyedia perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah bertanggungjawab berdaftar di bawah ACP 2018.
30. Bagi orang berdaftar sedia ada yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia,

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan yang dinyatakan dalam butiran 3 (a), Kumpulan H, Jadual Pertama, PPCP 2018 adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat pendaftaran dengan menambah pendaftaran perkhidmatan bercukai baharu iaitu butiran 3, Kumpulan H selaras dengan pindaan Jadual Pertama, PPCP 2018 berkuat kuasa 1 Julai 2025.

31. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk :

- (c) mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (d) mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (e) mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh; dan
- (f) menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran dan tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**

## SOALAN LAZIM

1. **S** : Syarikat mengenakan caj perkhidmatan pengurusan bersekali dengan semua perbelanjaan daripada pelanggan dengan nilai tambahan (*mark-up*) atas amaun yang telah dibayar kepada pihak ketiga. Adakah syarikat perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perbezaan amaun tersebut?

J : Syarikat perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas nilai sebenar perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan iaitu caj pengurusan bersekali dengan perbelanjaan dituntut dari pelanggan.

2. **S** : Syarikat saya telah menandatangani perjanjian pengurusan penyenggaraan bangunan dengan badan pengurusan bersama bangunan komersial untuk menyediakan perkhidmatan penyenggaraan, keselamatan dan pembersihan bangunan. Adakah saya perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan penyenggaraan bangunan kepada pelanggan saya?

J : Ya, perkhidmatan pengurusan penyenggaraan bangunan komersial adalah perkhidmatan pengurusan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan berkuat kuasa 1 September 2018. Perkhidmatan pengurusan penyenggaraan ini telah dipindahkan ke butiran (n), Kumpulan G berkuat kuasa 26 Februari 2024.

3. **S** : MZB Sdn Bhd (MZB) telah dilantik oleh sebuah bank untuk mengurus kutipan hutang dari pelanggan kad kredit. MZB mengenakan yuran kepada bank swasta untuk perkhidmatan yang disediakan. Adakah yuran yang dikenakan oleh MZB bagi perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

- J : Ya, caj pengurusan yang dikenakan oleh MZB Sdn Bhd ke atas perkhidmatan mengurus kutipan hutang untuk bank adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
4. **S : Saya adalah orang berdaftar yang menyediakan perkhidmatan pengurusan penggudangan seperti penyenggaraan, penggudangan, penyimpanan, perkhidmatan pembungkusan serta perkhidmatan sewa gudang kepada Fairus Sdn Bhd. Adakah caj pengurusan penggudangan dan sewaan gudang dikenakan cukai perkhidmatan?**
- J : Caj yang dikenakan ke atas perkhidmatan pengurusan penggudangan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan, termasuk caj sewaan gudang jika perkhidmatan diberi sebagai satu pakej. Berkuat kuasa 26 Februari 2024, perkhidmatan pengurusan penggudangan ini telah dipindahkan sebagai perkhidmatan bercukai logistik di bawah Kumpulan J.
5. **S : Syarikat saya telah didaftarkan di bawah perkhidmatan pengurusan acara yang dilantik oleh sebuah syarikat filem tempatan untuk menguruskan promosi filem kepada orang ramai. Syarikat saya juga menyediakan peralatan untuk sewaan seperti khemah / gerai dan sistem PA. Adakah caj yang dibilkan kepada syarikat filem untuk penyediaan perkhidmatan tersebut dikenakan cukai perkhidmatan?**
- J : Yuran pengurusan acara tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan. Manakala, caj sewaan khemah, gerai dan sistem PA adalah perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan K, Jadual Pertama, PPCP 2018 berkuat kuasa 1 Julai 2025.

## **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila berhubung dengan :

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)  
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Aras 6, Tower A, Suasana PjH,  
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2  
62100 Putrajaya.

## **BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST**

Informasi selanjutnya boleh diperolehi daripada :

- i. Laman web MySST: <https://mysst.customs.gov.my>
- ii. Pusat Panggilan Kastam :
  - Hotline : 1-300-888-500
  - Telefon : 03-8882 2100/ 2300/ 2500
  - E-mel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)